

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : **3 OGOS 2020 (ISNIN)**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang cadangan membina eskalator di stesen KTM Batu Gajah. Apakah cadangan untuk menaik taraf dan menambah baik kemudahan-kemudahan lain termasuk sistem parkir yang menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan pelanggan stesen tersebut.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan keperluan untuk menaiktaraf kemudahan yang terdapat di stesen-stesen kereta api. Dalam hal ini, tumpuan utama Kementerian adalah penyediaan kemudahan bagi menampung keperluan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), wanita mengandung dan warga emas. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mereka ini merupakan golongan yang berkeperluan khas, maka langkah yang diambil oleh Kementerian ini adalah selaras dengan matlamat untuk menyediakan sektor pengangkutan yang boleh diakses oleh semua golongan.

Sehubungan tu, pada 2013 kemudahan untuk OKU, wanita mengandung dan warga emas telah diperkenalkan di Stesen Keretapi Kampar dan diikuti Stesen Keretapi Tanjung Malim pada 2019. Bagi Stesen Keretapi Batu Gajah, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) iaitu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab atas aset-aset perkeretapian sedang dalam proses penyediaan skop kerja bagi pembinaan lif penumpang yang bukan sahaja akan menampung keperluan golongan berkeperluan khas, malah juga untuk orang awam secara keseluruhannya. Pembinaan lif penumpang ini dilihat bersifat pelbagai guna dan dijangka memberi lebih manfaat berbanding pembinaan escalator, dimana kos pembinaan dan penyelenggaraannya secara berkala adalah jauh lebih tinggi. Skop lain yang terlibat adalah kerja-kerja membaik pulih fasiliti bagi kemudahan OKU sedia ada di stesen berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RAC telah melantik Syarikat Aman Enterprise untuk mengurus dan mengoperasikan tempat letak kereta di Stesen Keretapi Batu Gajah yang dilengkapi dengan 94 petak pakir. Merujuk kepada Surat Tawaran yang dikeluarkan, operator tersebut diarahkan memulakan tugasnya pada 1 Mei 2020, namun begitu ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan pandemik Covid-19, pengoperasian syarikat tersebut telah tertangguh.

NO. SOALAN : 40

Sejajar dengan pengumuman pembukaan secara berperingkat kebanyakan sektor lanjutan berakhirnya PKP, pihak operator telah memulakan operasi pada 1 Jun 2020 secara manual iaitu melalui kutipan oleh pekerja yang bertugas. Seterusnya, dalam usaha menyahut seruan Kerajaan yang menggalakkan penggunaan *cashless* di kalangan pengguna pengangkutan awam, pihak operator dalam tindakan untuk memasang peralatan mesin Touch & Go bagi tujuan pembayaran caj parkir. Kutipan parkir secara *cashless* ini dijangka akan mula dilaksanakan sepenuhnya pada Oktober 2020.

Semoga dengan peningkatan dan penambahbaikan fasiliti yang sedang dilaksanakan RAC di stesen-stesen kereta api, ianya akan memberikan keyakinan dan menggalakkan orang ramai untuk meletakkan kenderaan mereka sekaligus meningkatkan penggunaan rel untuk ke destinasi masing-masing.

Sekian, terima kasih.